IKRAR RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

R.008 (B.M) OGOS 2024 (120.)
TERBITAN
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Jabatan Penerangan Malaysia
Jabatan Penerangan Malaysia
Jabatan Penerangan Malaysia
JapenTV
@JPenerangan
japenmalaysia
www.penerangan.gov.my
dbook.penerangan.gov.my
webmaster@inform.gov.my

Kemerdekaan yang dicapai adalah hasil kerukunan rakyat berbilang kaum yang hidup secara aman, harmonis dan bertolak ansur tanpa provokasi melampau.

PEMBENTUKAN RUKUN NEGARA

31 OGOS 1957

1 Kemerdekaan negara.

13 MEI 1969

2 Insiden rusuhan kaum. Kemuncak masalah perpaduan di Malaysia.

15 MEI 1969

3 Pengisytiharan Darurat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

16 MEI 1969

4 Parlimen digantung. Pentadbiran negara diambil alih oleh MAGERAN.

29 JANUARI 1970

5 Pewartaan Majlis Perundingan Negara. Mesyuarat Pertama diadakan pada 27 Januari 1970 untuk meneliti penyelesaian isu perpaduan antara kaum.



31 OGOS 1970

6 Rukun Negara diisytiharkan melalui Warta Kerajaan sebagai Pengisytiharan Diraja.



31 OGOS 1970

Ikrar Rukun Negara (Rukunegara) diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia. Diedar dan digantung di semua jabatan, agensi kerajaan, pertubuhan dan sekolah.



31 OGOS 1970

Dr. Agoes Salim merupakan Bapa Rukun Negara. Jasanya termasuk dalam penggubalan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

7

23 FEBRUARI 1971

Kerajaan berparlimen berfungsi semula. Rukun Negara panduan dan tonggak pentadbiran negara.